



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KAJIAN TENAGA KERJA 2021 DIJALANKAN SERENTAK DENGAN
PERINGKAT KETIGA BANCII PENDUDUK DAN PERUMAHAN (BPP) 2021

Tarikh: 25 November 2021

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita ingin memaklumkan orang ramai bahawa Kajian Tenaga Kerja (KTK) bagi tahun 2021, yang lazimnya diadakan dalam bulan Oktober-November setiap tahun, akan dikendalikan serentak dengan Peringkat Ketiga Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 yang sedang berjalan ketika ini secara temuduga melalui telefon (*Telephone Call Interview*) sehingga 31 Disember 2021.
2. Kaedah ini adalah bagi memastikan kesinambungan penyusunan perangkaan tenaga kerja yang konsisten dari tahun ke tahun, disamping mengurangkan beban respon isirumah yang turut terlibat dalam Peringkat Ketiga BPP 2021 memandangkan temuduga bersemuka masih belum dapat dilaksanakan ketika ini.
3. Objektif utama KTK 2021 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.
4. KTK 2021 akan melibatkan kira-kira 3,200 buah keluarga/isirumah terpilih sahaja di seluruh negara. Keluarga/isirumah yang terpilih juga akan diliputi bagi Peringkat Ketiga BPP 2021 akan diajukan soalan-soalan tambahan berkaitan ciri-ciri tenaga kerja untuk ahli-ahli yang berumur 15 tahun dan ke atas sahaja.
5. Sementara itu, keluarga/isirumah terpilih tetapi telah selesai melengkapkan BPP 2021 masing-masing semasa Peringkat Kedua: e-Census akan dihubungi semula oleh Pegawai Banci yang dilantik untuk menetapkan perjanjian bagi menjalankan temuduga melalui telefon berkaitan KTK 2021.

6. Ketua keluarga/isirumah boleh mengesahkan samada Pegawai Banci tersebut adalah yang benar dilantik oleh JPES dengan menghubungi talian hotline BPP 2021 dan Talian Darussalam.
7. Kajian Tenaga Kerja dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. JPES ingin memberikan jaminan kepada semua keluarga/isirumah terpilih bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.
8. Bagi sebarang pertanyaan mengenai KTK 2021 dan BPP 2021, orang ramai adalah dialu-alukan untuk menghubungi JPES seperti berikut:

Hotline	:	8382021 / 8382022 (Brunei Muara) 8382023 (Belait) 8382024 (Tutong) 8382025 (Temburong)
Talian Darussalam	:	123
Telefon	:	2230250 (waktu pejabat)
E-mel	:	support.brucensus@jpes.gov.bn
Portal Banci	:	www.brucensus.gov.bn
Laman Sesawang	:	www.deps.gov.bn
Instagram	:	statistics.jpes



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**LABOUR FORCE SURVEY 2021 TO BE CONDUCTED SIMULTANEOUSLY WITH
THE THIRD STAGE OF THE POPULATION AND HOUSING CENSUS 2021**

Date: 25 November 2021

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy would like to inform the public that the Labour Force Survey (LFS) for 2021, usually scheduled in October-November every year, will be conducted simultaneously with the Third Stage of the Population and Housing Census (BPP) 2021 currently being undertaken by telephone call interview until 31 December 2021.*
2. *This approach is taken to ensure the continuity in the compilation of consistent labour force statistics from year to year, as well as reduce the response burden of households who are also involved in the BPP 2021 Third Stage and also taking into account that face-to-face interviews cannot yet be conducted during the current situation.*
3. *The main objective of LFS 2021 is to collect latest information on the size, structure, distribution and characteristics of the labour force, employment, unemployment and other economic characteristics of the population, which will be used to assist in the planning, research, policy-making and management concerning the labour force.*
4. *LFS 2021 will involve around 3,200 selected households only throughout the country. Selected households who are also covered for the Third Stage BPP 2021 will be asked additional questions regarding labour force characteristics for members aged 15 years and above only.*
5. *Meanwhile selected households that have completed their BPP 2021 questionnaires during the Second Stage: e-Census will be contacted again by the appointed Census Officer to schedule an appointment to conduct the telephone interview relating to LFS 2021.*

6. *Heads of households can verify that the Census Officer is legitimately appointed by JPES by contacting BPP 2021 hotlines or Talian Darussalam.*
7. *The Labour Force Survey is conducted under the Statistics Act, Chapter 81 from the Laws of Brunei Darussalam. JPES would like to assure the selected households that the information collected during the survey will be kept strictly confidential and will be used for statistical purposes only.*
8. *For any inquiries on LFS 2021 and BPP 2021, the public is welcome to contact JPES as follows:*

<i>Hotline</i>	<i>:</i>	<i>8382021 / 8382022 (Brunei Muara)</i> <i>8382023 (Belait)</i> <i>8382024 (Tutong)</i> <i>8382025 (Temburong)</i>
<i>Talian Darussalam</i>	<i>:</i>	<i>123</i>
<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>2230250 (office hours)</i>
<i>Email</i>	<i>:</i>	<i>support.brucensus@jpes.gov.bn</i>
<i>Census Portal</i>	<i>:</i>	<i>www.brucensus.gov.bn</i>
<i>Laman Sesawang</i>	<i>:</i>	<i>www.deps.gov.bn</i>
<i>Instagram</i>	<i>:</i>	<i>statistics.jpes</i>